

## PERANAN MOTIVASI DALAM MEMACU POTENSI KECEMERLANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM: SATU KAJIAN KES

*Nazirah Hamdan*<sup>1</sup>, *Noor Ain Mohd Noor*<sup>2</sup>, *Nur Adilah Amiruddin*<sup>3</sup>, *Mohd Asyraf Yusof*<sup>4</sup>  
& *Noormuthaah Mohamad Ali Adaha*<sup>5</sup>

*Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia*

*nazirahhamdan@uitm.edu.my*<sup>1</sup>, *noorain89@uitm.edu.my*<sup>2</sup>, *adilah@uitm.edu.my*<sup>3</sup>,

*asyrafyusof@uitm.edu.my*<sup>4</sup> & *noormuthaah@uitm.edu.my*<sup>5</sup>

### ABSTRACT

*This study aims to identify how the level of motivation plays a role in driving the potential excellence of educators, particularly Islamic Education teachers (GPI). The responsibility borne by GPI to shape the attitudes and personalities of students based on the Quran and Sunnah is not an easy task. Therefore, it is crucial for every GPI to be highly motivated and committed to their duties. This study employs a qualitative methodology using interviews, document analysis, and observations involving seven secondary schools in the state of Johor. The findings of the study reveal that two types of motivation drive the excellence of GPI in schools, namely intrinsic and extrinsic motivation.*

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti bagaimana tahap motivasi berperanan dalam memacu potensi kecemerlangan warga pendidik khususnya guru Pendidikan Islam (GPI). Tanggungjawab yang digalas oleh golongan GPI untuk membentuk sikap dan keperibadian pelajar yang berteraskan al-Quran dan sunnah bukanlah suatu perkara yang mudah. Oleh itu, adalah penting setiap GPI bermotivasi tinggi dan komited dalam tugas mereka. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual, analisis dokumen dan pemerhatian yang melibatkan sebanyak tujuh buah sekolah menengah di negeri Johor. Hasil kajian mendapati terdapat dua jenis motivasi yang memacu kecemerlangan GPI di sekolah, iaitu motivasi intrinsik dan ekstrinsik.

**Kata kunci:** *motivasi, intrinsik, esktrinsik, guru Pendidikan Islam*

### PENGENALAN

Institusi pendidikan merupakan instrumen penting dalam pembentukan masa depan negara. Hal ini kerana generasi masa kini berperanan penting dalam mencorakkan keadaan negara di masa akan datang. Oleh itu pendidikan ini harus diberi penekanan utama kepada setiap warganegara khususnya di Malaysia. Hal ini kerana melalui sistem pendidikan formal di sekolah para pelajar bukan hanya dipantau dalam aspek perkembangan akademik bahkan juga dalam aspek lain demi keseimbangan dan kemenjadian pelajar (Rosli et al., 2022). Sehubungan dari itu, adalah penting bagi setiap warga pendidik mempunyai sifat dan keperibadian yang sewajarnya agar mereka dapat menjadi qudwah hasanah kepada para pelajar (Nazirah & Kamarul Azmi, 2016). Golongan pendidik kini merupakan nadi utama dalam usaha pembangunan insan sebagaimana hasrat dan objektif yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang memfokuskan kepada aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Justeru golongan pendidik ini khususnya guru Pendidikan Islam seharusnya berada dalam posisi emosi yang stabil di samping memiliki ketrampilan dan keintelektualan yang tinggi.

Berdasarkan Pusat Rujukan Persuratan Melayu motivasi ialah suatu keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan. Oleh yang demikian, motivasi adalah sebahagian dari proses sosial yang mendorong individu untuk memulai, membimbing, dan mempertahankan perilaku yang berorientasi pada pencapaian tujuan tertentu. Motivasi merupakan salah satu asas penting yang diperlukan dalam pendidikan, khususnya dalam proses pembelajaran. Guru Pendidikan Islam memerlukan motivasi yang tinggi untuk mendidik dan menyampaikan ilmu kepada pelajar dan dalam masa yang sama untuk memelihara kualiti kerja mereka.

Hal yang berkaitan dengan motivasi guru ini perlu diberi perhatian yang serius kerana guru pada era ini menghadapi pelbagai cabaran yang tidak hanya terbatas pada pengajaran dalam kelas. Beban tugas tambahan, perkembangan teknologi, kehadiran pelbagai kecenderungan pelajar, dan tekanan hasil ujian adalah beberapa di antara cabaran yang dihadapi oleh para guru.

## **PERSOALAN DAN OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini adalah bertujuan mengkaji apakah ciri motivasi intrinsik dan ekstrinsik guru Pendidikan Islam. Manakala persoalan kajian ialah “apakah motivasi intrinsik dan ekstrinsik yang menjadi penggerak kepada guru Pendidikan Islam di sekolah?”.

## **KAJIAN LITERATUR**

Kajian literatur ini bertujuan untuk memahami ciri-ciri motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Motivasi intrinsik merujuk kepada dorongan dalaman yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu kerana kepuasan dan keseronokan yang diperolehi daripada tugas itu sendiri (Anggraeni, 2021; Muhammad Ikmal Rezal et al., 2020). Sebaliknya, motivasi ekstrinsik berkaitan dengan dorongan luar seperti ganjaran atau pengiktirafan yang diberikan oleh pihak lain. Motivasi ekstrinsik adalah pendorong kerja yang berasal dari faktor luar dari diri individu untuk melaksanakan tugas secara maksima (Muhammad Ikmal Rezal et al., 2020).

Motivasi intrinsik dalam kalangan guru Pendidikan Islam melibatkan beberapa ciri utama. Pertama, kepuasan kerja adalah faktor penting yang mempengaruhi motivasi intrinsik. Menurut kajian oleh Ryan dan Deci (2000), motivasi intrinsik adalah kuat apabila seseorang individu merasa puas dengan tugas yang dilaksanakan. Guru Pendidikan Islam yang merasa puas dengan tugas mengajar, melihat peningkatan prestasi pelajar, dan merasakan diri mereka bermanfaat kepada masyarakat, biasanya menunjukkan tahap motivasi intrinsik yang tinggi.

Kedua, keseronokan dalam pengajaran juga merupakan ciri motivasi intrinsik. Kajian oleh Csikszentmihalyi (1990) mengenai konsep "*flow*" atau aliran menunjukkan bahawa individu yang mengalami keseronokan dan tenggelam dalam tugas mereka menunjukkan tahap motivasi intrinsik yang tinggi. Guru yang menikmati proses pengajaran dan merasa terinspirasi oleh interaksi dengan pelajar sering kali memiliki motivasi intrinsik yang kuat.

Ketiga, pengembangan diri dan profesionalisme adalah faktor lain yang berkaitan dengan motivasi intrinsik. Menurut kajian oleh Deci dan Ryan (1985), motivasi intrinsik juga berkaitan dengan keinginan untuk mengembangkan diri dan mencapai potensi penuh. Guru yang berminat untuk terus belajar, menghadiri kursus, dan meningkatkan kemahiran pengajaran mereka

menunjukkan motivasi intrinsik yang tinggi. Ciri-ciri motivasi intrinsik dalam kalangan guru Pendidikan Islam termasuk minat dan keseronokan dalam pengajaran, kepuasan dalam melihat kemajuan pelajar, keinginan untuk mengembangkan diri, serta dedikasi dan komitmen kepada pendidikan Islam.

Selain itu, guru akan berpuas hati apabila melihat peningkatan dalam prestasi pelajar dan perkembangan peribadi pelajar juga menjadi salah satu faktor yang mendorong kepada motivasi intrinsik yang kuat. Antara lain, kecenderungan serta keinginan untuk perkembangan profesionalisme melalui latihan dan kursus juga menjadi salah satu faktor motivasi intrinsik yang tinggi dalam kalangan guru Pendidikan Islam.

Tahap motivasi ekstrinsik dalam kalangan guru Pendidikan Islam melibatkan beberapa faktor seperti ganjaran dan pengiktirafan, sokongan dan penghargaan daripada pentadbiran sekolah, serta peluang kenaikan pangkat dan perkembangan kerjaya. Herzberg (1959) dalam Teori Dua Faktornya menyatakan bahawa ganjaran seperti gaji, bonus, dan pengiktirafan adalah faktor penyelenggaraan yang dapat meningkatkan motivasi ekstrinsik. Guru Pendidikan Islam yang menerima ganjaran dan pengiktirafan prestasi yang baik cenderung lebih bermotivasi secara ekstrinsik. Sokongan dan penghargaan daripada pihak pentadbiran sekolah turut mempengaruhi meningkatkan tahap motivasi guru (Nazirah & Kamarul Azmi, 2016). Kajian Morgeson et al. (2005) juga mendapati bahawa peluang untuk kenaikan pangkat dan perkembangan kerjaya adalah pendorong motivasi ekstrinsik yang penting. Guru yang melihat adanya peluang untuk kemajuan dalam kerjaya mereka lebih cenderung untuk berusaha keras dan menunjukkan prestasi yang baik.

Secara keseluruhan, literatur yang dikaji menunjukkan bahawa motivasi intrinsik dan ekstrinsik memainkan peranan penting dalam memacu prestasi dan kecemerlangan guru Pendidikan Islam. Motivasi intrinsik, yang berakar umbi dalam kepuasan dalaman dan keseronokan dalam tugas mengajar, sering kali menghasilkan dedikasi dan komitmen yang tinggi. Sebaliknya, motivasi ekstrinsik, yang bergantung kepada ganjaran dan pengiktirafan luaran, juga penting dalam memberikan dorongan tambahan kepada guru untuk mencapai kecemerlangan. Dengan memahami ciri-ciri kedua-dua jenis motivasi ini, pihak sekolah dan pentadbiran boleh merangka strategi yang berkesan untuk meningkatkan motivasi dan prestasi guru Pendidikan Islam.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Cohen dan Manion (1996) menyatakan bahawa metodologi adalah pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan bagi pengumpulan data. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kualitatif atau lebih menjurus kepada kajian kes atau lebih tepat lagi sebagai kajian pelbagai kes (*multiple case*) sebagai salah satu bentuk keesahan data kajian (Merriam, 2002).

Metode utama yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah temubual bagi mendapatkan maklumat yang khusus dalam mengumpulkan maklumat. Kajian temubual merupakan sesuatu yang unik kerana ia melibatkan proses pengumpulan data melalui lisan antara dua pihak secara langsung (Sang, 2010). Kaedah ini digunakan untuk mengkaji beberapa individu yang terpilih atau sesuai digunakan dalam kajian yang memerlukan pengumpulan data daripada persampelan yang besar.

Justeru, seramai tujuh orang GPI terpilih sebagai responden utama dalam kajian ini, selain turut melibatkan 14 orang rakan GPI, 14 orang pelajar, dan tujuh orang pihak atasan GPI yang terpilih sebagai informan. Kaedah pemerhatian terhadap sample kajian dan analisis dokumen dilaksanakan sebagai sokongan kepada data temubual. Kriteria pemilihan GPI ini ialah: (1) pengalaman mengajar 1- 5 tahun, (2) pengalaman mengajar 5-10 tahun, (3) pengalaman mengajar 10 tahun ke atas, (4) guru cemerlang Pendidikan Islam, dan (5) peratusan sekolah mencapai 95% ke atas dalam subjek Pendidikan Islam dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Hasil temubual ini kemudiannya akan ditranskripsi menjadi data naratif dan seterusnya analisis dibuat melalui perisian N' Vivo 7.0 bagi membina tema dan sub-sub tema kajian.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN**

Setelah dianalisis secara mendalam, pengkaji telah mengenalpasti terdapat dua jenis motivasi yang wujud dalam diri GPI dari S1-S7, iaitu intrinsik dan ekstrinsik. Huraian dapatan adalah sebagaimana yang terkandung dalam Jadual 1.

Jadual 1: Pola Tahap Motivasi GPI

<b>Tema</b>	<b>Kod</b>
Intrinsik	Tanggungjawab Amanah Ikhlas Minat Ibadah Sabar
Ekstrinsik	Kejayaan dan kemenjadian pelajar Pengetahuan am Sokongan pentadbir dan rakan sekerja Keluarga Kelengkapan prasarana Anugerah kecemerlangan Imbuhan gaji

Analisis kajian mendapati bahawa antara faktor yang mendorong wujudnya motivasi intrinsik dalam kalangan responden kajian ini, iaitu mereka mempunyai perasaan atau sikap tanggungjawab yang tinggi dalam menjalankan tugas, amanah serta ikhlas dalam melakukan setiap apa yang diberikan oleh pentadbir, mempunyai minat yang mendalam dalam mendidik pelajar, menganggap tugas mendidik ini sebagai suatu ibadah dan sifat sabar dalam menghadapi sikap pelajar dan pentadbir yang pelbagai.

Manakala motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi potensi kecemerlangan GPI, iaitu mereka gembira melihat kejayaan dan kemenjadian pelajar, sentiasa menambah ilmu pengetahuan khususnya dalam pengetahuan am, sokongan yang padu dari pihak pentadbir, rakan sekerja dan keluarga. Di samping itu, jika pihak pentadbir sekolah menyediakan kemudahan dan kelengkapan prasarana yang baik, anugerah kecemerlangan dan imbuhan gaji kepada para guru hal ini turut menjadi pendorong motivasi luaran kepada mereka.

Bagi membincangkan peranan motivasi dalam memacu potensi kecemerlangan profesion perguruan, khususnya golongan GPI dapat dibahagikan kepada dua kategori yang utama. Iaitu yang pertama tentang motivasi yang bersifat dalaman atau intrinsik. Salah satu elemen sifat yang

digambarkan ada dalam diri GPI, iaitu sifat tanggungjawab. Sebagaimana yang dinyatakan oleh GPIS7, iaitu “*tanggungjawab kita terhadap apa yang telah di amanahkan kepada kita sebagai pendidik atau murabbi, bukan sahaja kita nak mengajar tetapi kita nak mendidik, tanggungjawab yang di amanahkan..*”. Dapatan ini disokong oleh Ahmad Zabidi Abdul Razak, (2006), Muhammad Faizal A. Ghani & Julie Williams, (2014) bahawa kerjaya sebagai seorang guru sememangnya menuntut komitmen dan disertai dengan niat yang ikhlas dalam mendidik para pelajar. Mohd Yusof Abdullah et.all, (2015) berpendapat golongan guru perlu melaksanakan peranan dan tugas dengan efisien, berdikari, bersemangat dan berupaya membuat keputusan yang tepat khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Seterusnya, hasil analisis temubual mendapati perkara yang disepakati oleh GPI iaitu elemen amanah. Contohnya, GPIS6 menyatakan “*kita perlu tanamkan dalam diri kita bahawa tugas kita adalah satu amanah..setiap yang di amanahkan pada kita akan disoalkan pada hari akhirat..itu pegangan orang Islamlah, jadi kita kena laksanakan tugas sebagai amanah..*”. Menurut Ahmad Zabidi Abdul Razak (2006) amalan sifat muraqabah, iaitu merasakan Allah sentiasa memerhatikan setiap tindakan yang dilakukan. Keyakinan kepada wujudnya kuasa yang Agung yang sentiasa mengawasi tingkah laku seseorang akan memastikan seseorang itu melaksanakan sesuatu tugas dan amanah pada tahap yang terbaik tanpa perlunya kawalan daripada individu lain.

Sifat sabar dalam diri GPI turut menjadi pemangkin kepada motivasi dalaman ini. Sebagaimana yang dinyatakan oleh GPIS1 iaitu “*budak sekolah rendah kena cakap sejuta kali baru dia faham dan ingat, buat latih tubi kan..kalau budak sekolah menengah dia kena cakap seratus kali..selagi tidak, kena ulang,ulang, ulang..ha..pelajar memang selalu macam tu..selalunya cikgu kalau tahu basic yang begitu, dia akan sabar*”. Hal ini disokong oleh ramai pengkaji yang turut menyatakan bahawa kesabaran yang tinggi perlu ada dalam diri setiap diri warga pendidik kerana mereka pasti akan berdepan dengan pelbagai karenah dan tingkah laku para pelajar (Khalip & Hariza, 2015; Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010; Mohamed Amin Embi, 2010; Nazirah & Kamarul Azmi, 2016).

Kategori yang kedua ialah dapatan yang membentuk motivasi ekstrinsik golongan GPI. Aspek kemenjadian pelajar hakikatnya menjadi pemangkin semangat dan motivasi kepada GPI untuk lebih bersungguh serta komited dalam mendidik pelajar. Sebagaimana yang dinyatakan petikan temubual oleh GPIS5 teks menyatakan “*ya, itulah sebenarnya orang kata satu hadiah kepada guru..bila kita tengok pelajar kita berjaya, menjadi seperti apa yang kita nak, itulah sebenarnya hadiah yang paling besar..memberi kita motivasi untuk lebih cemerlang pada masa akan datang..*”. Hal ini jelas menjadi pemangkin semangat kepada para guru dalam perlu memastikan pelajar-pelajar bukan sahaja cemerlang dari segi akademik tetapi dari segi sahsiah dalam membentuk pembangunan modal insan (Khadijah Alavi et al., 2012; Mohd Ali et al., 2011).

Selain itu, antara faktor yang membantu kepada motivasi ekstrinsik ini iaitu sokongan daripada pihak pentadbir, rakan-rakan seperjuangan serta keluarga yang memahami tugas dan tanggungjawab yang harus digalas oleh seorang guru. Contohnya seperti yang dikatakan oleh GPIS2, “*memotivasikan saya, sehingga saya tak nak tukar sekolah lain, dah sembilan tahun. Ada tawaran pergi ke PPD. Antaranya sebab rakan sebaya kat sekolah sini, rakan-rakan sejawat saya semua di sini boleh dikatakn A lah. Banyak membantu saya. Faktor ini pun besar lah..*”. Justeru dapatan ini dilihat selaras dengan beberapa kajian sarjana seperti Rohayati et al., (2012), Ahmad Zabidi Abdul Razak, (2006), Mohd Yusri Ibrahim & Aziz Amin, (2014) yang melaporkan bahawa suasana iklim sekolah, sokongan daripada pihak sekolah, dan hubungan baik dengan guru-guru

sekolah, dan dorongan keluarga yang memahami tugas sebagai seorang guru mendorong dalam meningkatkan motivasi ekstrinsik dalam diri guru di sekolah. Anggraeni, (2021) turut menyatakan bahawa solusi untuk meningkatkan motivasi dalam bentuk energi intrinsik dan ekstrinsik adalah dengan memberikan dorongan batin bagi individu untuk berbuat sesuatu sehingga menimbulkan ketekunan.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, tahap motivasi setiap warga pendidik khususnya GPI memainkan peranan penting dalam kehidupan profesional guru. Ia bukan sahaja membantu mereka untuk menghadapi cabaran harian dalam pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga memberi inspirasi untuk terus berkembang dan berinovasi dalam kerjaya mereka. Oleh yang demikian, tidak keterlaluan jika pengkaji menyifatkan motivasi berperanan sebagai salah satu ciri pemangkin utama dan menjadi titik-tolak dalam diri seseorang guru serta secara tidak langsung membantu ke arah pencapaian prestasi sekolah yang lebih cemerlang.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Zabidi Abdul Razak. (2006). Ciri Iklim Sekolah Berkesan : Implikasinya Terhadap Motivasi Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan*, 31(3), 3–19.
- Anggraeni, L. A. (2021). Faktor Intrinsik dan Ekstrinsik Dimoderasi Motivasi Kerja Terhadap Kinerja Guru. *Manajerial*, 8(02), 118. <https://doi.org/10.30587/manajerial.v8i02.2324>.
- Khadijah Alavi, Rahim M.Sail, Lukman Abdul Mutalib, Anwar Ahmad, Shamsul Shah Trajo, & Nor Ellina Abdul Razak. (2012). Kecerdasan Sosial dan Emosi Guru Cemerlang Pendidikan Islam Dalam Meningkatkan Prestasi Pelajar. *Journal of Social Sciences and Humanities*.
- Khalip, M., & Hariza, A. H. (2015). Kemahiran interpersonal guru dan hubungan dengan pencapaian akademik pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(2), 89–99.
- Mohamad Khairi Othman, & Asmawati Suhid. (2010). Peranan sekolah dan guru dalam pembangunan nilai pelajar menerusi penerapan nilai mumi : satu sorotan. *Journal of General Studies*, 117–130. [http://www.myjournal.my/filebank/published\\_article/23385/Artikel\\_9.PDF](http://www.myjournal.my/filebank/published_article/23385/Artikel_9.PDF)
- Mohamed Amin Embi. (2010). *Panduan Amalan Pengajaran & Pembelajaran Berkesan*. 286. [http://www.ukm.my/kamal3/scl/PPA/Buku\\_Panduan\\_Amalan\\_Pengajaran\\_dan\\_Pembelajaran\\_Berkesan.pdf](http://www.ukm.my/kamal3/scl/PPA/Buku_Panduan_Amalan_Pengajaran_dan_Pembelajaran_Berkesan.pdf).
- Mohd Ali, J., Ahmad, E., & Razali, H. (2011). Kesiediaan Keterampilan Sosial Dalam Kalangan Guru-Guru Pelatih Di Institut Pendidikan Guru (IPG) Dengan Budaya Kerja Sekolah. *Persidangan Kebangsaan Penyelidikan Dan Inovasi Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknik Dan Vokasional, 2009*, 1–17.
- Mohd Yusof Abdullah et.all. (2015). Kekuatan Hubungan Motif, Sikap dan Latihan Perguruan dengan Profesionalisme Keguruan Pelajar Program Pendidikan IPTA: *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 2, 1–16.
- Mohd Yusri Ibrahim, & Aziz Amin. (2014). Model kepemimpinan pengajaran pengetua dan kompetensi pengajaran guru. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik -Januari*, 2(1), 11–25. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>.
- Muhammad Faizal A. Ghani, & Julie Williams. (2014). Harapan murid bemasalah terhadap pengajaran guru: Satu kajian awal di sebuah negara maju. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 26–43.

- Muhammad Ikmal Rezal, O., Nurazwa, A., & Nor Kamariah, K. (2020). Hubungan Antara Motivasi Instrinsik dan Ekstrinsik dengan Pencapaian Akademik Pelajar UTHM. In *Kajian Kes di Malaysia* (Vol. 2, Issue 1, pp. 1–12). <http://clik.dva.gov.au/rehabilitation-library/1-introduction-rehabilitation%0Ahttp://www.scirp.org/journal/doi.aspx?DOI=10.4236/as.2017.81005%0Ahttp://www.scirp.org/journal/PaperDownload.aspx?DOI=10.4236/as.2012.34066%0Ahttp://dx.doi.org/10.1016/j.pbi.201.>
- Nazirah, H., & Kamarul Azmi, J. (2016). Sifat Keperibadian Guru Pendidikan Islam (GPI) Terhadap Rakan Setugas Dan Pihak Atasan Di Sekolah: Satu Kajian Kes. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies (EISSN: 2289-8204)*, 3(2). <https://doi.org/10.11113/umran2016.3n2.72>.
- Rohayati, I., Ahmad Fauzi, M. ayub, & Othman, T. (2012). Hubungan antara Kompetensi Guru, Sokongan dan Prasarana Sekolah Dengan Sikap Guru Terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran 1. *Jurnal Pendidikan Sains Matematik Malaysia*, 2(1), 51–64.
- Rosli, S., Mahmud, S. F., & Azni, M. E. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu (Integrating the National Education Philosophy (Falsafah Pendidikan Kebangsaan-FPK) in Developing Integrated Human Capital). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 86–103.